

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK MALAYSIA 2016

Disediakan oleh : Tuan Rozilaazawani binti Tuan Mat

28 Julai 2016 – Dua kumpulan KIK iaitu D'Project (JKM) dan Multipower (JKE) telah menyertai Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2016 yang telah berlangsung di Hotel Permai Kuala Terengganu. Konvensyen kali ini adalah anjuran Politeknik Kuala Terengganu.

Kumpulan D'Project menyertai kategori pengurusan dan Multipower dalam kategori teknikal. Konvensyen telah berlangsung selama 3 hari iaitu pada 26 hingga 28 Julai 2016. Setiap kategori dinilai berdasarkan empat kriteria iaitu pemeriksaan dokumen projek (10%), pemeriksaan projek (20%), penilaian pembentangan (30%) dan penilaian viva (40%).

Sebanyak 20 kumpulan bertanding dalam kategori pengurusan dan 13 kumpulan bagi kategori teknikal. Daripada 33 kumpulan yang bertanding, 20 kumpulan dianugerahkan pingat emas manakala 13 kumpulan lagi dianugerahkan pingat perak. Kumpulan D'Project telah memenangi pingat emas dalam kategori pengurusan dan Multipower memenangi pingat perak bagi kategori teknikal. Projek KIK kumpulan D'Project ialah 'Membina Sistem Peminjaman dan Pemulangan Buku Laporan Akhir yang Sistematik', manakala Multipower pula 'Kesukaran untuk Mendapatkan Bekalan Kuasa Mudah Alih'.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Datuk Haji Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik. Politeknik Kuala Terengganu sekali lagi merangkul Juara Keseluruhan Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2016 di mana telah menjadi Johan Kategori Pengurusan dan Naib Johan Kategori Teknikal.

BIL	NAMA	KUMPULAN KIK
1	ROHANA BINTI HASAN	Multipower
2	ADIBAH BINTI AHMAD	
3	NORANIMAH BINTI SA'RANI	
4	ROSSIELYANA BINTI ABDUL RAHIM	
5	INTAN RAFIDAH BINTI ABDUL RAHIM	
6	NORMAH BINTI SAPUAN	
7	FAZLINA BINTI YUNUS	
8	MARDIAH BINTI MORSIN	
9	NOR HANIZA BINTI JUNID	
10	TUAN ROZILAAZAWANI BINTI TUAN MAT	Fasilitator Multipower
11	ZUZILAH BINTI HARUN	D'Project
12	HARIANA BINTI HADIN	
13	NOR HAFIZAH BINTI ADNAN	
14	NURHANUM BINTI OMAR	
15	NUR AZIAH BINTI HAMZAH	
16	SYAZWANI BINTI AB. RAHIM	
17	NURLINA AIMI BINTI RAMILY	
18	RAFIUDDIN BIN ROHANI	
19	MARYATI BINTI MARZUKI	Fasilitator D'Project



Kumpulan Multipower, Jabatan Kejuruteraan Elektrik



Kumpulan D'Project, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Lawatan Booth Pameran oleh Datuk Ketua Pengarah, JPP



Wajah ceria setelah usai sesi pembentangan dan viva



Majlis Penyampaian Anugerah Konvensyen KIK Politeknik Malaysia 2016